


• EDISI KARYA MALAR SEGAR SASTERAWAN NEGARA •

INISIATIF
BELANJAWAN 2024



Masuk ke Dalam Cahaya

ABDULLAH HUSSAIN
SASTERAWAN NEGARA





12/11/2026
TOM
GIFT

Yang Amat Berbahagia
Tun Dr. Mahatir bin Muhammad

&
Yang Amat Berbahagia Tun Hasmah bt
Hj. Mohd. Ali

Selamat membaca karya berjudul
Maluk te Dalam Cahaya karya
Pasterawan Negara ke 8. Mudah
mudaha ia nya memberi manfaat
pd Tim.

Yang Iklas

Sangat
(Siti Paraja bt Basri)

isteri almarhum Datuk
Abdullah Hussain

16/12/25



• EDISI KARYA MALAR SEGAR SASTERAWAN NEGARA •

Masuk ke Dalam Cahaya

ABDULLAH HUSSAIN
SASTERAWAN NEGARA



1014080

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2024



KK 899-320-0502013-49-4521-40102

Edisi Karya Malar Segar Sasterawan Negara Cetakan Pertama 2024

Edisi Karya Malar Segar Sasterawan Negara Cetakan Kedua 2024

© Abdullah Hussain 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-49-4521-3 (hardback)

Dicetak oleh
Perniagaan Normahs,
No. 5 & 7, Jalan 12/10,
Taman Koperasi Polis Fasa 1,
Mukim Batu,
68100 Kuala Lumpur.

899.2333

untuk Malahayati



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA



*Tuhan adalah Pelindung orang yang beriman.
Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan.
Masuk (ke dalam) cahaya.
Tetapi orang yang tiada beriman.
Pelindungnya ialah syaitan
Yang membawa mereka daripada cahaya
(Masuk) ke dalam kegelapan.
Mereka ialah penghuni api (neraka)
Mereka tinggal di dalamnya selama-lamanya.*

Surah al-Baqarah: 257



1

SUDAH dua jam Zaman menunggu ibunya. Dia mahu menyampaikan ucapan terakhirnya sebelum meninggalkan rumah itu. Rumah keluarga yang dia juga turut menjadi penghuninya sejak dilahirkan. Hatinya terasa pedih kerana dia terpaksa berbuat serupa itu, tetapi itulah keputusannya. Dia mesti melakukan sesuatu untuk mengubah cara hidup, mencari sesuatu yang pernah dibaca daripada buku-buku, yang pernah didengar daripada khutbah, dan yang pernah didengar daripada pembicaraan dalam pertemuan-pertemuan yang dihadapinya. Dia akan pergi. Biar pun ibunya nanti melarangnya. Tekadnya sudah bulat. Sudah lama dia memikirkan hal itu. Malam tadi ialah kemuncaknya. Dia telah membuat pertimbangan dengan saksama tentang buruk dan baiknya. Dia tahu bahawa hidupnya tidak akan sama lagi sesudah kakinya melangkah keluar melintasi ambang pintu rumahnya ini. Dia terpaksa bekerja untuk mendapatkan makan, dia mesti membayar untuk mendapatkan bumbung tempat berteduh. Di rumah ini sekarang dia tidak perlu memikirkan semua itu. Dia cuma dikehendaki menghadirkan dirinya sahaja, membuka mulut makanan akan

terhidang di hadapannya, pakaian akan terletak di atas tempat tidurnya. Dia tidak perlu berfikir bagaimana makanan itu berada di situ dan bagaimana pakaiannya terletak di situ. Dia tidak pula berfikir tentang masalah bumbung tempat berteduh. Rumah ini cukup besar untuk memberikan perlindungan daripada angin dan hujan, daripada kejahatan pada waktu malam. Mereka cuma empat beranak, lima dengan orang gaji dan enam dengan drebar rasmi bapanya, iaitu suami orang gajinya itu. Lima buah bilik di dalam rumah itu cukup luas untuk ditempati dengan segala macam bekalan dan kemudahan yang terdiri daripada barang-barang yang mahal harganya, yang kebanyakannya buatan dari luar negeri.

Zaman memandang di sekeliling dari tempat duduknya. Seolah-olah dia baru sahaja masuk ke ruangan itu dan berasa hairan dengan perhiasan yang ada di dalamnya. Matanya kemudian tertuju kepada *grandfather's clock* yang terletak di sudut sebelah kanannya. Pendulumnya berayun perlahan-lahan. Buah pendulum yang bulat dan diperbuat daripada perak putih itu bergerak perlahan-lahan tidak mengendahkan keadaan sekeliling, berayun terus seperti mengarau benang waktu yang semakin lama semakin hampir ke hujung. Dentuman bunyi apabila jarumnya sampai ke pukul lima menggegarkan udara tenang di dalam bilik itu, dan gemanya tidak sahaja terlempar keluar dari jendela yang terbuka, tetapi juga naik menyelinap ke dalam bilik-bilik di atas. Zaman selalu terasa, bunyi itu seperti sesuatu yang menakutkan apabila malam telah larut. Zaman memerhatikan pendulum yang berayun-ayun itu seirama dengan detak jantungnya. Sudah pukul lima. Hari Sabtu. Ibunya belum juga pulang.

Zaman bangun, berjalan berkeliling di dalam ruangan itu cuba menahan debaran dadanya. Dia memberi masa lima minit kepada ibunya. Kalau pada waktu itu ibunya tidak juga pulang maka dia tidak akan menunggu lagi. Dia mesti pergi sebelum matahari jatuh.

Lima minit itu terasa cepat. Zaman lalu menyambar beg perjalanan dari atas meja kecil di hadapannya dan berjalan keluar. Dia masuk ke dalam motokar Mini Austin yang terletak di bawah *porch*. Setelah mencampakkan beg itu ke tempat duduk dibelakang, dia pun menghidupkan enjinnya dan bergerak keluar

dari pekarangan rumah. Ada semacam perasaan pilu yang nyeri mencucuk di hulu jantungnya ketika itu, tetapi dia mencuba menahannya. Dia tidak mahu maksudnya terhalang oleh pengaruh-pengaruh emosional dan sentimen terhadap rumah dan keluarga. Di tembok pintu gerbang dia berhenti sejeurus, memandangi ke kiri dan ke kanan tetapi tidak ke belakang dan kemudian tanpa tujuan dia membelok ke kanan. Zaman memandu motokarnya masuk ke Federal Highway, masuk ke Jalan Pantai Baru, Jalan Bangsar, dan sebelum melewati Muzium Negara, dia membelok ke kiri lalu masuk ke Jalan Kebun Bunga.

Taman bunga sedang dikunjungi oleh ramai orang kerana hawa panas bulan Jun dan kesesakan di ibu kota. Pemuda-pemudi berpasang-pasangan, anak-anak kecil berlari-larian sambil bergelak ketawa di taman permainan, dari jauh kedengaran muzik di Panggung Aniversari. Sebuah pertunjukan hujung minggu sedang berlangsung.

Zaman memandu terus motokarnya tanpa mengendahkan segala-galanya itu, walaupun pada masa yang sudah-sudah malah baru dua hari yang lalu dia telah datang bermain sampan di tasik itu dengan Sarina. Waktu bersampan-sampan itulah, Zaman melihat dirinya yang dipantulkan daripada peribadi Sarina yang duduk di buritan menghadapinya. Jari-jari tangan kanan Sarina memainkan air dari birai sampan itu. Sarina anak manja dan anak sulung Datuk Salam dan Datin Maria. Dia gagal dalam peperiksaan MCE kerana terlalu dimanjakan. Setiap yang dikehendaknya tidak pernah dibantah serta ditolak oleh kedua-dua orang ibu bapanya, sehinggakan sedikit pun tidak ada semangat juang dalam dirinya. Dia menjadi rapuh, perajuk dan mudah berkecil hati. Zaman juga terikut-ikut dengan gelagat Sarina, manja dan rapuh, sehinggakan dia tidak berdaya untuk melawan keadaan. Dia terima hidupnya sebagai satu kemestian dalam keluarga yang berada. Sambil berdayung itu dia merenung Sarina. Lengannya yang terlepas keluar daripada lengan baju menampakkan kulitnya yang hitam manis dan halus. Sarina gadis hitam manis dan bertubuh langsing. Tubuhnya yang mengagumkan menimbulkan iri hati kepada banyak wanita malah kepada ibunya juga. Kulitnya yang hitam manis itu telah menjadikan matanya galak apabila dibubuh celak.

Bulu matanya yang panjang dan lentik itu terbuka dan terkatup apabila dia melihat kocakan, air bekas diganggu jarinya. Sarina telah ditinggalkannya di tasik itu sendirian. Cuaca semakin redup. Matahari sudah terlindung di sebalik hutan Bukit Damansara. Zaman memecut motokarnya memasuki Jalan Duta. Mengapa ke Jalan Duta?

Dia lalu membelok ke kiri memasuki Jalan Ipoh. Mengapa Jalan Ipoh? Zaman berasa seperti dia diarah oleh sesuatu kuasa ghaib. Dia berasa seperti sedang melalui suatu jalan baharu yang belum pernah ditempuhnya dahulu. Apakah ada jalan baharu lagi? Kuala Lumpur ini sudah terlalu pesat membangun, sehinggakan kalau kita tidak melewati di sesuatu daerah itu selama satu bulan sahaja, kita akan berasa asing di tempat itu. Jalan-jalan baharu dan bangunan-bangunan telah tegak tersergam bagaikan dibina oleh jin daripada lampu ajaib Aladdin layaknya. Ini mungkin jalan baharu lagi, fikir Zaman. Tetapi dia baru sahaja melewati daerah ini. Baru? Dia cuba mengingatnya. Ah, tidak baru. Sudah hampir dua bulan yang lalu dia membawa Sarina mencari durian di Gombak.

Dahulu di jalan ini masih ada rumah-rumah kampung, walaupun rumah-rumah itu jarang-jarang letaknya di antara satu dengan yang lain, mungkin bermula dari pondok durian itu, tetapi sekarang rumah-rumah itu tidak ada lagi. Ke mana? Ke mana Hospital Orang Asli? Mimaland? Ah, sudah lepas barangkali. Mungkin Hospital Orang Asli itu sudah dipindahkan ke Pahang. Tetapi masakan pula aku tidak dengar beritanya? Masakan Pandak anak Takik yang sama sekuliah dengan aku itu tidak bercakap tentang hal ini? Bapa Pandak, Takik bekerja di hospital tersebut sebagai jururawat. Aku akan tanyakan kepada Pandak nanti. Bila? Tiba-tiba Zaman sedar bahawa dia tidak akan balik lagi ke universiti. Dia tidak akan melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya. Buat apa dia belajar, kalau perhatiannya tidak ada? Dia ingin belajar daripada pengalamannya sahaja dan sekarang dia sudah membuka langkah pertama. Dia mahu mencari erti kehidupan, yang dia sendiri belum lagi dapat menggambarkan bagaimana coraknya.

Zaman berasa senja terlalu cepat berlalu. Dia baru sahaja meninggalkan rumahnya, belum sampai dua jam. Kalau dari

rumahnya tadi pukul 5.00 sekarang baru pukul 6.00 lewat sedikit dan cuaca tidak setemaram seperti sekarang. Mahu hujan? Dia melihat ke atas. Langitnya cerah. Entah kerana di kiri kanannya kini hutan sudah menebal, pokok-pokok besar dan tinggi yang tumbuh di lereng bukit menghalang cahaya matahari. Suasana malam cepat tiba di tempat-tempat serupa ini. Zaman menghidupkan lampu motokarnya.

“Sudah seperti masuk waktu maghrib!” Zaman terperanjat apabila mendengar suaranya tiba-tiba. Pada masa dia meninggalkan rumahnya tadi, tidak sepatah pun perkataan yang diucapkan olehnya yang berbunyi kuat serupa itu. Dia seolah-olah baru sedar bahawa dia dapat berkata-kata dengan mengeluarkan suara.

Di hadapannya ada cahaya api yang terang-benderang. Bunyi azan semakin lama semakin nyaring dan jelas. Cahaya api yang dilihatnya itu datang dari sebuah masjid dan suara azan itu pun datang dari situ juga. Beberapa orang lelaki dan perempuan sedang berjalan tergesa-gesa memasuki pekarangan masjid itu. Zaman memperlambatkan motokarnya dan terus meminggir ke tepi pagar masjid serta berhenti berhampiran dengan pintu besar. “Baik aku berhenti bersolat dulu, siapa tahu nanti aku akan ketinggalan maghrib ini dalam perjalanan,” sungutnya sendirian. Orang-orang yang sedang berjalan itu berhenti dan berpaling memandangnya.

“Assalamualaikum!” seru Zaman sebaik turun dari motokarnya.

“Walaikumussalam!”

Zaman terperanjat apabila mendengar jawapan salamnya itu datang dari segenap penjuru. Tiba-tiba sahaja ada orang di belakangnya, di hadapannya dan di samping sebelah kiri motokarnya. Dia memberi salam kepada tiga orang yang mula-mula dilihatnya itu sahaja. Orang-orang itu telah masuk ke dalam masjid dan mereka ini pula orang-orang baru. Zaman lalu menghulurkan tangannya kepada orang yang di sebelah kanannya sebaik sahaja dia selesai mengunci motokarnya. Tangan orang itu sejuk seperti ais. Seperti dia baru keluar dari bilik yang berhawa dingin. Mukanya jernih dan pada matanya dan bibirnya menguntum senyuman yang belum pecah.

“Apa khabar?” tanya Zaman sebagai pemanis perkenalan.

“Baik. Alhamdulillah!” jawab orang itu dengan suara yang rendah lembut. “Silakan!”

Dia membuat isyarat dengan tangan kanannya supaya Zaman berjalan dahulu.

“Silakan!” jawab Zaman. “Saya ikut.”

“Tidak. Anda dulu. Anda tamu di sini. Anda dimuliakan,” jawab orang itu.

Zaman tergamam seketika. Tetapi dia segera sadar dan tergesa-gesa berjalan dahulu seperti yang diarahkan oleh orang itu. Orang-orang lain berhenti menunggunya dan setelah berjabat salam barulah semuanya berjalan beriring-iring.

“Anda sudah ada wuduk?” salah seorang daripadanya bertanya.

Zaman menggelengkan kepalanya.

“Kolamnya di situ.” Orang yang mula-mula disalaminya itu berkata. “Kolam dan tempat bersuci ada di sebelah belakang. Munir! Cuba tolong tunjukkan abangmu.”

Seorang anak lelaki yang sedang berdiri agak ke belakang sedikit dalam satu kumpulan anak-anak yang sebaya dengannya datang menghampiri dan menghulurkan tangan untuk bersalam.

Tangannya juga sejuk. Zaman lalu mengikutinya ke sebelah kanan belakang masjid itu dan di sana ada sebuah kolam yang sederhana besarnya, dibina di bawah lindapan sebuah bangunan tambahan. Beberapa orang sedang mengambil wuduk. Mereka memandang Zaman dan memberikan senyuman. Zaman membalas senyuman mereka itu dan terus duduk. Dia teringat akan anak lelaki yang bernama Munir itu. Sewaktu dia berpaling mencarinya, Munir sudah tidak ada.

Zaman mempercepat wuduknya kerana dari dalam telah terdengar suara qamat. Zaman terperanjat melihat makmum begitu banyak, hampir memenuhi masjid itu. Kaum wanita yang bersolat di sebelah itu juga cukup banyak, hampir sama banyak dengan kaum lelaki. Zaman mendapat tempat di hujung saf yang paling akhir, sudah berhampiran dengan pintu.

Zaman bertakbir ketika imam membaca ayat: “... kepada-Mu kami sembah dan kepada-Mu kami memohon pertolongan....”¹

Suara imam yang mengucapkan ayat-ayat suci itu agak parau dan serak sedikit. Tetapi sebutan bunyi dan tempat-tempat dia

berhenti amat berwibawa, terasa pada Zaman seperti tusukan mata jarum yang dibaji ke dalam hatinya.

Zaman terlalai seketika semasa dia khusyuk akan bacaan imam itu, fikirannya mengelana. Dia terpesona dengan jumlah orang yang menunaikan solat waktu begitu banyak bagi sebuah kampung kecil dan terencil serupa itu. Zaman sedar dia sedang dalam solat. Cepat-cepat dia mengembalikan kekhusyukannya.

Apa agaknya nama kampung ini? Zaman tidak berani bertanya kepada orang yang di sebelah-menyebelahnya, kerana dilihatnya orang-orang itu asyik membaca sesuatu. Dia juga turut membaca apa yang teringat olehnya sambil matanya liar mencari Munir, anak yang menunjukkan kolam wuduk kepadanya tadi. Dia melihat orang lelaki yang mula disalaminya duduk di barisan hadapan. Orang itu tiba-tiba berpaling ke belakang seperti mahu mencarinya.

Mana Munir? Mungkin dia sudah pulang kerana sudah ada orang yang meninggalkan tempat itu sebaik sahaja imam selesai membaca doa. Orang yang di sebelah-menyebelah Zaman menghulurkan tangan kepada Zaman. Mereka merenung muka Zaman seketika sebelum tangan dilepaskan, mungkin mereka tahu dia orang baru. Zaman juga merenung kembali ke muka orang-orang itu. Muka mereka hampir serupa. Tenang dan pada mata dan bibirnya terkulum senyuman. Pakaian mereka hampir serupa, bersongkok hitam, berbaju kurung putih dan berkain pelekat. Ada juga yang berkopiah putih dan berserban tetapi baju kurung dan kain pelekatnya sama. Zaman melihat kopiah mereka seperti masih baru, tidak seperti kebanyakan kopiah orang-orang kampung yang biasanya sudah kumal dan tepinya licin tidak berbulu. Baju dan kain yang mereka pakai juga bersih, keras seperti baru dicuci. Imamnya sahaja yang memakai jubah putih, mungkin dia memakai baju kurung dan kain pelekat di bawah jubah itu.

Zaman tidak bergerak dari tempatnya, dia terus duduk di situ walaupun orang yang di sebelah-menyebelahnya itu telah meninggalkan tempatnya. Zaman masih mencari-cari Munir dan orang yang mula-mula menegurnya tadi itu pun masih ada di hadapan, duduk berhampiran dengan imam. Mereka sedang

bercakap sesuatu. Jemaah wanita banyak yang telah pulang, hanya tinggal beberapa orang sahaja lagi. Mungkin yang tinggal itu yang tua-tua sahaja, fikir Zaman, yang tidak ada apa-apa tanggungjawabnya lagi di rumah.

Zaman mengambil keputusan untuk menunaikan solat isyak lebih dahulu sebelum dia meneruskan perjalanannya. Tetapi di mana dia akan makan? Kalau jalan ini betul jalan ke Pahang, dia mungkin dapat makan di Ketari sahaja. Di Genting Simpah atau di simpang ke Genting Highland boleh jadi juga ada makanan dijual, tetapi dia tidak pernah singgah di sana. Selalu dilihatnya orang Cina sahaja yang banyak berhenti di situ. Kalau jalan ini ke Ipoh, maka banyak tempat yang dia boleh singgah makan, paling tidak pun di Tanjung Malim nanti. Tetapi hairan, perutnya belum lagi terasa lapar, padahal kalau di rumahnya dia selalu makan lebih awal daripada ibu dan bapanya. Adiknya Mimi yang selalu menemani bapa dan ibunya makan. Mimi? Bagaimana keadaannya sekarang setelah mereka tidak melihat dia di rumah? Mungkin nanti setelah jauh malam baru adiknya itu tahu akan kehilangannya. Sebab Mimi tidak pernah ada di rumah. Petang-petang Sabtu serupa itu dia berpindah-pindah dari satu disko ke satu disko dengan teman lelakinya. Ibu dan bapanya tidak pernah marah. Orang yang sudah diberikan segala kemudahan tidak mudah berbuat jahat, kata bapanya. Orang yang suka berbuat jahat itu ialah mereka yang susah hidupnya. Mereka yang hidupnya terkongkong. Hajat mereka tidak pernah terpenuhi dan keinginannya besar, lalu apa yang mereka lakukan? Mencuri, merompak dan kalau keinginannya sudah tidak terkawal sedangkan hajatnya tidak sampai, ya hisap dadah. Demikian yang selalu dileterkan oleh ibu Zaman, ketika gelagat adiknya ditimbulkan.

“Mimi itu bukan budak-budak lagi,” kata bapanya. “Dia sudah besar. Dia tahu apa yang baik dan apa yang tidak. Contohnya kau saja. Mahukah kau berbuat jahat seperti anak-anak lain itu? Tidak bukan?”

Zaman memang tidak ada niat untuk berbuat jahat. Tetapi dia tahu perbuatan jahat bukan hanya menjadi milik orang susah atau orang miskin sahaja. Orang kaya-kaya, orang senang juga berbuat jahat. Jahat bukan cuma hisap dadah, mencuri, merompak dan

merogol. Tetapi makan rasuah juga jahat. Menipu, menganiaya juga jahat. Cuma dia tidak mahu melawan cakap ibu dan bapanya sahaja. Mereka itu tidak pernah mahu mengerti.

Ke mana Mimi agaknya?

Sudah pasti ibunya gempar apabila dia mengetahui Zaman benar-benar meninggalkan rumah. Tidak masuk dalam akal mereka anaknya yang ditimbus dengan segala kesenangan itu mahu melarikan diri. Apa yang mahu dikejar lagi? Wang? Kalau mereka tidak bekerja pun mereka akan hidup mewah. Hartanya sudah cukup banyak. Insurans nyawa bapanya beratus ribu, insurans nyawanya juga berpuluh ribu, saham berjuta; tanah, sewa rumahnya tidak habis makan.

Apa yang sedang dibuat oleh ibu dan bapanya sekarang? Panikkah mereka ketika mendapatinya tidak ada di rumah? Zaman melihat jam tangannya, pukul 7.15 malam. Bapanya sudah pulang kalau dia tidak ada *dinner* di luar dan mungkin sekarang sedang heboh mencarinya. Mungkin mereka sedang menelefon Sarina. Sarina juga panik. Sarina tentu akan menangis meraung-raung seperti yang selalu dilakukan apabila permintaannya tidak dipenuhi. Sarina akan menelefon ke rumah kawan-kawannya apabila sudah berhenti menangis nanti. Kawan-kawannya itu juga akan terperanjat apabila mengetahui dia sudah hilang. Mereka tentu heboh mencarinya, heboh memperkatakan tentang dirinya di meja makan. Ibu dan bapanya, kalau mereka benar-benar menyayanginya tentu tidak lalu makan – mungkin mereka berasa menyesal kerana tidak pernah menghiraukannya selama ini. Mereka mungkin pergi melaporkan kehilangan itu ke balai polis. Besok surat-surat khabar akan menyiarkan berita dan gambarnya. Cerita tentang dirinya tentulah akan ditulis panjang-panjang, tidak seperti kehilangan orang lain yang ibu bapanya tidak terkenal. Dia anak datuk dan datin, tentu berbeza daripada anak-anak orang biasa, hidupnya tidak pernah kurang suatu apa pun seperti anak-anak orang miskin. Dia tidak pernah dimarahi walau bagaimana besar kesalahannya sekalipun. Dia anak manja. Orang-orang akan bertanya, mengapa dia melarikan diri dari rumahnya. Zaman tersenyum sendirian memikirkan betapa hebohnya orang memperkatakan tentang dirinya itu. Dia tiba-tiba menjadi buah

mulut orang ramai. Menjadi fokus masyarakat atasan terutama dalam kalangan kawan-kawan ibu dan bapanya. Senyumnya berhenti. Betapa malu ibu dan bapanya kepada kawan-kawan kenalannya itu. Apa yang akan mereka jawab, kalau ditanya nanti? Ya Allah? Ampunkan dosaku, kata Zaman perlahan-lahan. Ampunkan aku. Aku tidak bermaksud untuk memberi malu kepada mereka. Aku cuma mahu mencari keredaan-Mu sahaja. Sejak aku mengenal-Mu, aku sudah tidak senang lagi hidup serupa mereka itu. Engkau sahaja yang tahu hati perutku. Ampunkan dosaku dan ringankan beban ibu dan bapaku; Mata Zaman terasa berpasir ketika dia mengenangkan kesusahan yang akan dialami oleh ibu dan bapanya kerana perbuatannya itu. Dia lalu mendongakkan kepalanya memandang ke hadapan. Orang yang mula-mula bersalaman dengannya itu masih lagi ada di sana. Bercakap-cakap dengan imam, yang sekarang menghadap tepat ke arahnya. Imam itu masih muda, barangkali lebih muda beberapa tahun daripada bapa Zaman. Daripada sinar lampu yang menimpa ke atas wajahnya itu, Zaman melihat air mukanya tenang dan bersih. Mengapa air muka orang di sini hampir serupa sahaja? Badan imam itu berisi tetapi dia tidak terlalu gemuk, sesuai dengan tingginya. Sambil bercakap-cakap itu dia menghitung-hitung juga biji tasbih yang dipegang dengan tangan kanannya. Sekali-sekala dia mengangkat mukanya memandang ke hadapan. Zaman berasa seperti dia memandang ke arahnya, seolah-olah orang yang mula-mula bersalam dengannya itu telah menceritakan kepadanya, bahawa dia orang baru yang singgah bersolat di masjid itu. Waktu imam itu memandang ke arahnya, Zaman menundukkan kepalanya. Malu ditentang. Zaman teringat akan berita yang tersiar di dalam akhbar besok pagi. Orang-orang kampung ini tentu akan membacanya, mereka yang masih mengecam mukanya tentu akan memberitahu surat khabar itu atau balai polis bahawa dia pernah singgah bersembahyang maghrib di masjid itu. Mereka tentu berasa kasihan membaca rayuan bapanya: ... pulanglah nak, ibumu sakit tidak lalu makan dan tidak lalu minum kerana merindukanmu, segala salah faham semuanya sudah dimaafkan....

Salah faham apa? Dia tidak ada salah faham apa-apa terutama dengan ibunya. Dia cuma berasa hidupnya terlalu kosong. Terlalu

sedikit mendapat kasih sayang daripada ibu dan bapanya. Ibu dan bapanya itu hanya mementingkan kesenangan hidup material; mereka mengejar harta dunia tanpa mengira halal dan haram. Mereka mengumpul segala barang yang boleh mereka banggakan dan kemudian mereka pameran kepada kawan kenalannya untuk mendapat pujian.

Zaman berasa penderitaannya yang paling hebat ialah kekosongan jiwa. Dia baru dapat menangkap sedikit-sedikit tentang erti hidup yang sebenarnya daripada khutbah-khutbah agama dan daripada buku-buku agama yang dipinjamkan oleh kawan-kawannya. Sekarang dia mengembara kerana mahu mengisi kekosongan jiwanya itu. Kekosongan yang dirasanya itu amat berlainan daripada kekosongan yang difahami oleh ibu dan bapanya. Mereka menyangka hatinya kosong kerana tidak mempunyai teman, kerana terlalu suka menyendiri. Lalu mereka berikan Sarina. Tetapi Sarina serupa dengan benda-benda yang mereka kumpulkan. Cuma dia berdaging dan berdarah, bernyawa dan berfikiran. Sarina tidak dapat mengisi kekosongan hatinya apabila dia tinggal sendirian. Sarina hanya menjadi alat penghibur apabila berdekatan sahaja. Sumbangan Sarina kepadanya amat terbatas, sebab itu dia mengambil keputusan keluar dari rumahnya untuk mencari benda yang boleh diisi ke dalam hatinya yang kosong itu. Orang di sini tentu heboh membaca beritanya nanti. Mereka akan hairan. Kedua-dua orang yang duduk di sebelah-menyebelahnya tadi tentu akan bercerita panjang bahawa mereka telah bersolat di sebelahnya dan berjabat tangan dengannya. Kenangan Zaman terhenti apabila suara azan berkumandang dengan nyaringnya memecah kesunyian malam di kampung itu.

Orang-orang telah berkumpul semula. Entah dari mana mereka muncul dalam gelap itu, tiba-tiba sahaja ramai kembali di dalam dan di luar masjid. Hampir penuh seperti pada waktu maghrib tadi juga. Zaman menyangka pada waktu isyak serupa itu jemaahnya tentulah akan berkurangan. Orang-orang yang sudah pulang ke rumahnya tentu malas untuk keluar lagi. Isyak pula panjang masanya, dan mereka boleh bersolat di rumah masing-masing. Tetapi ternyata sangkaannya meleset dan kehairanannya menjadi bertambah kerana jemaah wanita lebih banyak daripada



ABDULLAH HUSSAIN

SASTERAWAN NEGARA

Abdullah Hussain dilahirkan pada 25 Mac 1920 di Sungai Dalam, Yan, Kedah. Beliau mula memasuki alam persekolahan di Sekolah Melayu Sungai Limau pada tahun 1926 dan lulus darjah lima pada tahun 1931. Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah St. Michael dan Anglo Chinese School, Alor Setar hingga lulus darjah tujuh pada tahun 1935.

Abdullah Hussain mendapat dorongan menulis daripada Ahmad Noor Abdul Shukoor, pengarang surat khabar *Sahabat* pada tahun 1939 ketika beliau bekerja di syarikat tersebut. Karya beliau yang pertama diterbitkan ialah sebuah cerita lucu yang disiarkan dalam majalah *Tanah Melayu* pada tahun 1939. Sejak itu, beliau terus menghasilkan karya cerpen, novel, biografi, autobiografi, terjemahan dan esei kritikan sastera. Novel beliau, *Imam* memenangi "Hadiah Novel Nasional" (mengingati Pak Sako) (1992/1994) dan Hadiah Sastera Malaysia (1994/1995).

Abdullah Hussain dipilih sebagai pemenang Anugerah S.E.A. Write pada tahun 1981. Kemuncak pencapaian Abdullah Hussain sebagai sasterawan apabila beliau dinobatkan sebagai Sasterawan Negara kelapan pada tahun 1996. Beliau juga telah dianugerahkan Darjah Dato' Setia Diraja Kedah yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1996.

RM60.00

ISBN 978-983-49-4521-3



06000

9 789834 945213